

Headline	TNB perkenal pakej bantuan bayaran mudah kepada pelanggan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 May 2020	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	22
ArticleSize	113 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,797		



## TNB perkenal pakej bantuan bayaran mudah kepada pelanggan

**KUALA LUMPUR** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperkenalkan pakej bantuan pelan bayaran mudah (PBM) melibatkan penangguhan surcaj lewat bayar dan lanjutan penangguhan pemotongan bekalan kepada 7.5 juta pelanggan kediaman.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, pelan bertujuan mengurangkan impak koronavirus (Covid-19) dan kebimbangan pelanggan berhubung kenaikan bil apabila bacaan meter sebenar dilakukan kelak.

“Ia akan dilaksanakan secara automatik kepada semua pelanggan kediaman bermula daripada bil bulanan sebenar pertama yang diterima

selepas TNB menyambung semula operasi pem-bacaan meter pada 15 Mei 2020,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Selepas tempoh berkenaan, beliau berkata, pelangganan beransur-ansur akan menerima bil sebenar yang diselaraskan mengikut bil anggaran lalu bagi mendapatkan penggunaan sebenar mereka.

“Pelanggan mempunyai pilihan untuk membuat pembayaran penuh atau mengikut jumlah PBM,” katanya.

Amir Hamzah berkata, penangguhan surcaj lewat bayar adalah sehingga 30 September 2020 manakala penangguhan aktiviti pemotongan bekalan pula sehingga 31 Julai 2020.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Bernama - MREM (Bernama - MREM 6)	1	0	RM 0
Star Reacher - Coronavirus (Star Reacher - Coronavirus)	2	0	RM 0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional )	4	0	RM 0